

Minat belia dalam bidang penerbangan meningkat

UM 15 JUL 2001

Oleh NORAINI ABDUL RAZAK

KUALA LUMPUR 14 Julai -- Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yakin minat golongan belia dalam bidang penerbangan dan pembuatan pesawat akan meningkat dengan cepat sehingga mendorong kepada kemampuan untuk mencipta dan mengeluarkan pesawat yang canggih.

Perdana Menteri berkata, industri pembuatan pesawat yang bermula dengan cara yang mudah dan kecil kini mampu menyaksikan lahirnya pesawat besar seperti Boeing 747, Airbus, Concorde dan pesawat pejuang dengan kelajuan melebihi kelajuan bunyi.

"Semuanya bermula dengan cara yang mudah dan kecil tetapi lama kelamaan kemampuan akan meningkat.

"Mungkin satu hari rakyat Malaysia akan dapat membuat pesawat terbang yang canggih dan mengeluarkan pesawat jenis baru yang menggunakan roket dan sebagainya," katanya.

Beliau menyatakan demikian ketika berucap pada majlis pelancaran Ekspedisi Penerbangan Muhibah ASEAN sempena Sukan SEA serta sambutan Hari Kebangsaan negara pada 31 Ogos depan di sini petang ini.

Turut hadir Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Hussein dan beberapa wakil kedutaan asing ke negara ini.

Dr. Mahathir berkata, kemampuan rakyat Malaysia menguasai teknologi pembuatan kereta dalam jangka masa hanya 15 tahun membuktikan

mereka mampu bersaing dengan negara yang telah memulakan industri otomotif 100 tahun dahulu.

Oleh itu, katanya, semangat ingin maju dalam sesuatu bidang cuba dipupuk di kalangan belia supaya mereka sedar walaupun bermula dengan sesuatu yang mudah dan kecil akhirnya kemampuan mereka akan meningkat.

Menurut beliau, usaha juruterbang muda Rakan Rekrasi Udara menjayakan ekspedisi melebihi 8,000 batu nautika dengan memasang sendiri pesawat yang akan digunakan memenuhi hasrat kerajaan untuk meningkatkan minat dan kemampuan rakyat dalam bidang tersebut.

Bersaing

Tegas Dr. Mahathir, beliau yakin dengan cara itu rakyat akan memahami dengan lebih mendalam mengenai sains penerbangan serta pembentukan dan pembuatan pesawat.

Beliau berkata, industri penerbangan bermula dengan sebuah pesawat terbang yang direka bentuk oleh Wright Brothers dalam bentuk agak primitif dan terdiri daripada rangka sahaja.

Namun, kata Perdana Menteri, sains penerbangan dan teknologi membuat pesawat telah berkembang maju sehingga manusia dapat melihat pesawat-pesawat besar seperti Boeing 747 dan Airbus.

"Walaupun ia bermula dengan cara mudah dan primitif tapi dengan tekun, usaha dan minat kita dapat memajukan diri dengan lebih cepat lagi dan

bersaing dengan negara-negara dan bangsa yang maju," katanya.

Perdana Menteri turut mengucapkan tahnin kepada Kementerian Belia dan Sukan kerana ekspedisi itu jelas menampakkan Rakan Muda telah maju dan berharap lebih ramai rakyat Malaysia akan menceburkan diri dalam bidang tersebut.

Beliau berkata, rakyat negara ini mesti mempunyai kebolehan yang sama dengan rakyat yang telah maju lebih awal dengan menunjukkan minat untuk maju dalam pelbagai bidang.

Katanya, Ekspedisi Penerbangan Muhibah ASEAN adalah satu usaha untuk meningkatkan minat rakyat negara lain terutamanya di rantau ini terhadap Sukan SEA yang akan berlangsung di Malaysia September depan.

Sambil mengucapkan tahniah dan syabas kepada 12 juruterbang muda yang menyertai penerbangan ujian paling jauh pernah diadakan di dunia itu, Perdana Menteri turut berharap mereka selamat terbang dan selamat kembali ke tanah air.

Pada majlis itu Dr. Mahathir turut diberi penghormatan membuat lakaran pertama pada bahagian awal kain rentang sepanjang 15 kilometer yang dijangka dicatat dalam *The Guinness Book of Records* yang kini dipegang oleh India.